

PANDUAN MENDUDUKI ‘ONLINE TEST’
KOLEJ PROFESIONAL MARA (EDARAN DALAMAN SAHAJA)
SESI JANUARI 2020

PELAJAR (Calon Ujian)

- **SEBELUM MENDUDUKI UJIAN**
 1. Pastikan anda mempunyai capaian internet yang baik.
 2. Tutup semua aplikasi atau perisian (software) di komputer anda bagi membolehkan anda menerima kelajuan capaian internet yang baik dan lancar.
 3. Pastikan komputer anda berada di dalam keadaan yang baik dan telah di ‘reboot’ sebelum memulakan ujian. Ini bagi mengurangkan sebarang risiko sewaktu anda sedang menjalani ujian secara atas talian.
 4. Patuhi jadual yang telah ditetapkan oleh pensyarah anda.
 5. Anda perlu bersedia sekurang-kurangnya 30 minit sebelum ‘online test’ bermula.
 6. Sebarang kelewatan anda untuk menduduki ujian ini akan menyebabkan anda kehilangan masa untuk menjawab. Masa anda tanggungjawab anda.
 7. Log masuk ke dalam akaun anda (contoh : Google Classroom) seawal 30 minit sebelum ujian bermula bagi mengelakkan sebarang masalah yang timbul sewaktu ujian akan bermula.
 8. Klik pada pautan kertas soalan yang diberikan oleh pensyarah anda hanya apabila anda diarahkan berbuat demikian.
 9. Pastikan tiada sebarang gangguan sekeliling yang boleh mengganggu tumpuan anda untuk menduduki ‘online test’.
- **SEMASA UJIAN**
 1. Baca arahan pada muka depan kertas soalan dengan teliti sebelum mula menjawab.
 2. Pastikan tiada interaksi secara verbal atau dalam talian yang lain yang boleh mengganggu fokus anda untuk menjawab soalan dalam tempoh yang diberikan.
 3. Jawab kesemua soalan yang diberikan di dalam tempoh masa yang diberikan. Sebarang kelewatan untuk menduduki ujian atau untuk menghantar jawapan yang disebabkan oleh kecuaian anda sendiri akan membolehkan jawapan anda tidak diterima oleh pensyarah dan boleh menyebabkan kehilangan markah.
 4. Sekiranya anda menghadapi masalah kelemahan penerimaan rangkaian internet dan sebagainya, maklumkan kepada pensyarah anda secepat yang mungkin.
 5. **Alatan yang diperlukan** semasa ujian seperti kalkulator dan sebagainya adalah tanggungjawab anda sendiri.
 6. Klik butang ‘Submit’ untuk menghantar setelah anda berpuas hati dengan jawapan anda.
- **WAKTU TAMAT UJIAN**
 1. Sekiranya anda perlu menghantar jawapan di dalam format yang berbeza, pastikan anda menyimpan (save) fail tersebut di atas nama dan nombor pelajar bagi mengelakkan sebarang kekeliruan yang akan timbul.
 2. Jawapan perlu dihantar kepada pensyarah sebelum waktu ujian berakhir. Sekiranya calon lewat menghantar jawapan kepada pensyarah yang menyelia ujian, pensyarah berhak untuk menerima atau tidak menerima jawapan tersebut di atas sebab yang munasabah.